

15 AUG 1996

ASW 2020 LEBIH BERTUMPU KEPADA ALAT PELABURAN JANGKA PANJANG

KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- Amanah Saham Wawasan (ASW) 2020 akan memberi lebih banyak tumpuan kepada alat pelaburan jangka panjang sesuai dengan cirinya, demikian dijelaskan oleh pengurus dananya, ketua eksekutif kumpulan Permodalan Nasional Bhd (PNB), Datuk Mohd Hilmey Mohd Taib.

Dana berjumlah RM3 bilion yang akan dibuka untuk jualan mulai 2 September, 1996 akan dilaburkan dalam bidang yang akan memberi pulangan selepas beberapa tahun seperti projek-projek parasarana dan penswastaan, tambah beliau.

"Bagaimanapun, saya belum pasti mengenai projek-projek berkenaan," kata beliau kepada pemberita baru-baru ini.

Menurut Hilmey, sebahagian daripada RM3 bilion itu akan digunakan untuk pelaburan jangka pendek seperti ekuiti. Namun demikian, tambah beliau, PNB belum memutuskan peratusan mengenai pelaburan jangka panjang dan jangka pendek yang akan dibuat oleh dana berkenaan.

Beliau berkata dana berkenaan juga layak digunakan untuk membeli saham-saham tawaran awam awal yang diperuntukkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Pada peringkat awal, ASW 2020 hanya terhad kepada pelaburan di Malaysia sebelum 10 peratus daripadanya dilabur dalam ekuiti asing seperti yang disyaratkan oleh garis berkaitan panduan amanah.

"Bagaimanapun, kami akan mengkaji jumlah ini dari semasa ke semasa," jelas Hilmey.

Beliau berkata portfolio pelaburan amanah saham berkenaan akan disiapkan sebelum ia dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 28 Ogos. -- BERNAMA

AD DIN/sia